

EDISI 2023

Buletin FKA

Pengajian Kejuruteraan Awam

Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

eISSN 2716-6325



9 772716 632004

Diterbitkan pada 15 Oktober 2024

Menelusuri Realiti Pembinaan Bangunan: Pengalaman Lapangan di Tapak Projek PERDA, Nibong Tebal

*Nurulzatushima bt Abdul Karim, Nor Janna bt Tammy, Adhilla bt Ainun Musir dan
Khairul Ammar bin Muhammad Ali*

ENGINEERING QUANTITIES AND ESTIMATION (ECM366) merupakan sebahagian daripada struktur kurikulum yang terkandung di dalam Diploma Kejuruteraan Awam dan lebih fokus kepada aspek pengukuran dan penilaian kejuruteraan dalam pembinaan bangunan dan infrastruktur. Melihat kepada kepentingan pemahaman praktikal dalam memahami aktiviti-aktiviti di tapak projek untuk diadaptasi dalam sesi pembelajaran di dalam kelas ECM366, satu lawatan telah diatur ke tapak pembinaan yang dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) pada 20 dan 22 Disember 2023.



Seramai 86 pelajar dan 4 pensyarah dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam terlibat dalam lawatan tapak ke Blok Asrama 10 Tingkat di bawah kelolaan Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang (PERDA). Sesi lawatan pada pagi jumaat tersebut telah disambut mesra oleh Pengurus Projek Ir Mohd Hazrul Faez bin Rahiam yang mewakili PERDA Tech dalam mengawasi dan menyelaraskan pelaksanaan projek kejuruteraan. Beliau juga bertanggungjawab untuk mengurus keseluruhan projek pembinaan dari awal hingga akhir, serta mengawasi pelaksanaan semua aktiviti pembinaan dan memastikan segala sesuatu berjalan mengikut jadual, bajet, dan standard yang ditetapkan.

Lawatan tapak ini memberi ruang dan peluang kepada pelajar dan pensyarah untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang pelaksanaan projek pembinaan sebenar. Blok Asrama 10 Tingkat yang sedang dibina merupakan satu projek penting di bawah pengurusan PERDA, yang memberi impak langsung kepada pembangunan pendidikan kawasan tersebut. Semasa lawatan, pelajar dan pensyarah dapat melihat sendiri tahap kemajuan projek, pelaksanaan teknik-teknik pembinaan, serta para pelajar dan pensyarah turut melibatkan diri dalam sesi penerangan daripada pegawai projek yang bertanggungjawab. Pelbagai aspek seperti pengukuran kuantiti bahan, penggunaan peralatan berat, serta penjadualan kerja turut diperhatikan. Pensyarah juga merancang untuk menggunakan pengalaman daripada lawatan ini dalam penyampaian bahan pengajaran bagi subjek ECM366 untuk penambahbaikan dalam pengajaran di masa akan datang. Lawatan tapak ini memberikan peluang yang bermanfaat bagi pelajar dalam memahami konsep-konsep teori dan aplikasinya dalam bidang kejuruteraan awam, sambil menjalin hubungan yang lebih kukuh antara institusi pengajian dan industri.



Kesimpulan dari sesi lawatan tapak ke Blok Asrama 10 Tingkat di bawah pengurusan PERDA, ia merupakan satu pengalaman yang sangat bermanfaat bagi pelajar dan pensyarah subjek ECM366. Ia tidak hanya meningkatkan pemahaman mereka terhadap konsep-konsep teori, tetapi juga memberikan pendedahan langsung kepada realiti kerja dalam industri pembinaan. Di samping itu, lawatan ini juga memberi peluang untuk menjalin hubungan yang lebih kukuh antara institusi pengajian dengan industri, yang mana boleh membawa kepada perkongsian ilmu dan peluang kerjaya bagi para pelajar.
